

25/08/2001

150 keliling Semenanjung naik motosikal kuasa tinggi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Seramai 150 pemilik motosikal berkuasa tinggi Persatuan Wartawan Melayu (PWM) hari ini memulakan perjalanan mengelilingi Semenanjung dalam program Jelajah Merdeka 2001 sempena menyambut hari kemerdekaan negara ke-44.

Presiden PWM, Yazid Othman berkata program yang pertama kali diadakan itu akan mengembara selama enam hari sambil mengibar Jalur Gemilang dan membawa Deklarasi Merdeka untuk ditanda tangani Menteri Besar di setiap negeri.

Katanya, Deklarasi Merdeka itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka menjelang acara kemuncak sambutan merdeka pada malam menjelang 31 Ogos ini.

"Program itu juga bertujuan meningkatkan semangat patriotik di kalangan peserta, mengimbas kembali perjuangan menuntut kemerdekaan di samping dapat berhubung dengan masyarakat," katanya yang juga ketua kontinjen pada majlis pelepasan peserta di sini, hari ini.

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia. Turut hadir Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Yazid berharap program yang membabitkan wartawan itu akan mencatat sejarah Malaysia serta diabadikan dalam Buku Rekod Malaysia kerana dijangka dapat mengumpulkan 444 pemilik motosikal berkuasa tinggi dari seluruh negara sebaik tiba di destinasi terakhir di Dataran Shah Alam.

Beliau menjangkakan pemilik motosikal kuasa tinggi yang lain akan menyertai konvoi itu apabila mereka singgah di setiap destinasi.

(END)